

EDISI 1
**TIADA YANG
MUSTAHIL**

Kisah
Kejayaan
OKU

EDISI 1

TIADA YANG MUSTAHIL

Kisah
Kejayaan
OKU

Editor

SYARIZAL ABDUL RAHIM
NORAILIS AB. WAHAB
NOORHAFIZA AHMAD
SITI MARIAM SAGEH



Institut Terjemahan & Buku Malaysia



Kuala Lumpur
2020

Buku **TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 1** ini diterbitkan secara bersama oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad dan Institut Sosial Malaysia.

Terbitan bersama oleh:

INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA BERHAD

Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel.: 603-4145 1800 Faks: 603-4142 0753

E-mel: publishing@itbm.com.my Laman Web: www.itbm.com.my

INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

Lot PT 13856
KM6 Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban
Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel.: 603-7985 3333 Faks: 603-7985 3300

E-mel: info@ism.gov.my Laman Web: www.ism.gov.my

Cetakan Pertama 2020

Penerbitan © Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad dan Institut Sosial Malaysia

Teks dan Foto © Institut Sosial Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi, foto atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad dan Institut Sosial Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

TIADA YANG MUSTAHIL : ILUSTRASI KISAH KEJAYAAN OKU /

EDITOR Syarizal Abdul Rahim, Norailis Ab. Wahab, Noorhafiza Ahmad, Siti Mariam Sageh. – EDISI 1.

ISBN 978-967-460-868-2 (hardback)

1. People with disabilities.
2. Successful people.
3. Success.

I. Syarizal Abdul Rahim. II. Norailis Ab. Wahab.

III. Noorhafiza Ahmad. IV. Siti Mariam Sageh.

362.4

Reka bentuk kulit: Nazaruddin Abd Hamed

Reka letak: Suhaila Sobi

Dicetak di Malaysia oleh:

AHLI JAWATANKUASA TASK FORCE PENERBITAN BUKU *TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU*

Pengerusi : Dr. Fazni Mat Arifin
Ahli : Puan Junaina Johan
: Prof. Madya Dr. Norailis Ab. Wahab
: Encik Syarizal Abdul Rahim
: Encik Pathmanathan a/l R. Nalasamy
: Puan Nor 'Ashikin Abdull Razak
: Puan Siti Mariam Sageh
: Cik Noryanti Mahbub
: Puan Noorhafiza Ahmad
: Cik Ida Suzita Sabu
: Puan Jamuna Naidu Nesan
: Cik Nor Nadhirah Husain
: Puan Nabihah Saari
: Puan Nurmazlien binti Ahamad
: Mohd Anwardi Suhardi
: Umi Waheeda l'zaaz Zulkifly
: Nur Mustaqim Jamalludin

KANDUNGAN

<i>Kata Alu-aluan</i>	<i>x</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xii</i>
<i>Prakata</i>	<i>xiv</i>
OKU DALAM ABILIMPIK	1
Amran Hamid - Pelukis Batik <i>Ekspresi Citra Sanubari</i>	2
Haymasuthan a/l Periasamy - Jurugambar <i>Potret Kejayaan</i>	10
Yeo Suh Chan - Pelukis <i>Indahnya Lakaran Ketenangan</i>	16
OKU DALAM BIDANG AKADEMIK	23
Dr. Aizan Sofia Amin - Pensyarah <i>Tarian Tinta Penghibur Lara</i>	24

Dr. Mohamad Muzammil Mohamad Noor – Pensyarah Kanan <i>Setulus Impian</i>	30
Profesor Dr. Ruzita Mohd Amin – Pensyarah <i>Legasi Kelestarian Insan</i>	36
Profesor Madya Dr. Naziaty Mohd Yaacob – Pensyarah <i>Wanita Titanium</i>	44
OKU DALAM BIDANG KEMASYARAKATAN	51
Dato’ Haji Mah Hassan Haji Omar – Peguam Cara <i>Terang Dalam Gelap</i>	52
Dr. Ruziah Ghazali – Penasihat Kehormat PKOKM <i>Lunak Ilmu Berbicara, Bijaksana Akur Menelinga</i>	60
Francis Johen anak Adam – Perunding Undang-Undang <i>Usaha Yang Menggunung</i>	66
Mohd. Yazid Bain – Penyelaras Pusat Komuniti Orang Pekak Johor <i>Benih Bakti Yang Tersemai</i>	74
Muhammad Zhariff Afandi – Duta UNICEF <i>Jiwa Melabuh Di Destinasi Harapan</i>	82
Wong Yoon Loong – Pengurus CARE, NCBM <i>Kanta Permata</i>	88

OKU DALAM BIDANG KEPIMPINAN	97
Mohamad Sazali Sha'ari - Presiden MCD	98
<i>Bicara Tanpa Suara</i>	
Murugeswaran Veerasamy - Presiden DAMAI	108
<i>Jiwa Cekal</i>	
OKU DALAM BIDANG KESENIAN	119
Clarence Kang - Pemain Piano	120
<i>Irama Perkasakan Jiwa, Lagukan Seribu Kekuatan</i>	
Umar Hasfizal - Penyanyi	126
<i>Bintang Bertuah</i>	
OKU DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN	135
Fariz Haji Abd Rani - Usahawan Barangan Bantuan OKU	136
<i>Hembusan Bayu Kinabalu</i>	
Kumaran a/l Marimuthoo - Usahawan Percetakan	144
<i>Bakti Kembali pada Tanah</i>	
Mohd Sukur Ibrahim - Usahawan Karpét	154
<i>Pilihan Takdir</i>	
Noor Lizah Salman - Usahawan Biskut Tradisional	162
<i>Bintang antara Bintang</i>	

OKU DALAM PARALIMPIK	171
Abdul Latif Romly - Atlet Lompat Jauh (T20) <i>Terbang Setinggi Bintang</i>	172
Muhammad Afiq Afify Rizan - Atlet Berbasikal Trek (B2) <i>Rai Pilihan Menjangkau Kemampuan</i>	178
Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi - Atlet Lari Pecut 100m (T36) <i>Pecutan Emas</i>	184
Mohamad Ziyad Zolkefli - Atlet Lontar Peluru (F20) <i>Lontaran Tekad Kuantum</i>	190
Siti Noor Radiah Ismail - Atlet Lompat Jauh (T20) <i>Bangkit Walau Sakit</i>	198
Suresh Selvathamby - Atlet Memanah Recurve <i>Menjulung Kemenangan</i>	204
OKU DALAM BIDANG POLITIK	213
Ras Adiba Mohd. Radzi - Senator <i>Berharap Bangkit Berkali-kali</i>	214
<i>Biodata Penulis</i>	221

KATA ALU-ALUAN



Dato' Dr. Junaidah binti Kamaruddin

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

ALHAMDULILLAH, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya maka inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terhadap salah satu kelompok golongan sasanya dapat direalisasikan. Naskah yang berjudul *Tiada yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU* ini merupakan manifestasi sumbangan KPWKM terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) di negara ini, golongan yang menyumbang kepada 15 peratus daripada populasi dunia.

KPWKM, melalui Pelan Tindakan OKU 2016–2022 memfokuskan pemeraksanaan OKU. Matlamat utamanya adalah untuk membuktikan bahawa golongan OKU mampu berdikari dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. KPWKM turut memberikan penekanan pada usaha memastikan OKU mempunyai hak dan peluang yang saksama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat dengan menghapuskan diskriminasi


atas sebab ketidakupayaan. Justeru, penghasilan buku ini diharap dapat mendukung usaha tersebut dengan memaparkan kisah kejayaan 28 OKU dalam pelbagai bidang yang dipilih dari seluruh negara. Kisah kejayaan ini ternyata menggambarkan komitmen Kementerian secara berterusan dalam membangun dan memperkasa OKU.

Diharapkan buku ini dapat menjadi sumber rujukan bukan sahaja kepada OKU, tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia, sekali gus membuktikan bahawa OKU juga mampu memperoleh kejayaan dan meningkatkan keupayaan diri. Kisah kejayaan yang dipersembahkan diharap dapat menjadi inspirasi kepada semua anggota masyarakat dan menunjukkan bahawa kekurangan bukanlah penghalang untuk mencipta kejayaan dan kegemilangan. Semoga naskhah ini dapat membuka mata dan minda masyarakat terhadap bakti serta kejayaan yang dikecapi oleh OKU yang turut menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Institut Sosial

Malaysia (ISM) yang memandu projek ini dan Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menyediakan maklumat asas bagi tujuan kompilasi. Penghargaan turut diberikan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang menyumbangkan kepakaran dalam memastikan kualiti penerbitan buku ini. Tidak ketinggalan semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan buku *Tiada yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU*.

Selamat membaca.



Dato' Dr. Junaidah binti Kamaruddin

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PENGHARGAAN



Dr. Fazni Binti Mat Arifin

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah SWT atas kejayaan Institut Sosial Malaysia (ISM) dalam menghasilkan dan menerbitkan sebuah buku tentang kisah kejayaan OKU yang diberi tajuk Tiada yang Mustahil: *Kisah Kejayaan OKU*.

Penghasilan buku ini teretus daripada visi serta aspirasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang amat menekankan keterlibatan semua pihak ke arah kesejahteraan negara termasuklah golongan OKU. Aspirasi ini seterusnya diterjemahkan oleh agensi di bawahnya, iaitu ISM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU). Hasil kerjasama erat dua agensi ini bermula dari proses awal membangunkan konsep buku ini, hinggalah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Khas pemilihan calon yang bersesuaian, akhirnya membuahkan hasil karya yang penuh makna kepada masyarakat.

Oleh hal yang demikian, objektif penerbitan buku *Tiada yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU* ini adalah untuk memberikan pengiktirafan khas kepada OKU yang berjasa


kepada negara dengan menyumbangkan idea, tenaga, kepakaran dan bakat dalam pelbagai bidang. Penerbitan buku ini juga bertujuan menghebahkan kisah kejayaan OKU (berdaftar dengan JKM) supaya dapat menjadi motivasi dan rujukan semua pihak. Penerbitan buku ini juga sebagai platform dan memberikan peluang kepada OKU yang berjaya untuk berkongsi kejayaan mereka supaya menjadi inspirasi kepada OKU lain serta masyarakat.

Kejayaan menghasilkan buku ini merupakan hasil kerjasama semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Penghargaan khusus kepada Pasukan Editorial yang sejak awal lagi bertungkus lumus menyiapkan projek buku ini walaupun berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tidak ketinggalan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang banyak membimbing ISM dalam penghasilan buku ini.

Tuntasnya kejayaan penerbitan buku ini memberikan isyarat bahawa ISM akan terus mengorak langkah seiring dengan visi dan misi Kementerian dalam mencapai

kesejahteraan masyarakat. Semoga usaha edisi pertama ini akan membuahkan penerbitan selanjutnya bagi membuktikan komitmen ISM dalam usaha memperkasakan OKU.

Selamat membaca dan sama-samalah kita menghayati kisah-kisah terpilih ini!



Dr. Fazni Binti Mat Arifin

Pengarah
Institut Sosial Malaysia

PRAKATA

Dengan nama Allah SWT, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat ilahi, bahawa dengan nikmat dan petunjuk-Nya, kami berjaya menyusun 28 kisah kejayaan individu OKU ke dalam buku ini. Setinggi-tinggi penghargaan dizahirkan buat Institut Sosial Malaysia (ISM) atas peluang yang diberikan untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan bagi menyokong penerbitan ini.

Melalui *Tiada yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU*, sebanyak 28 kisah yang ditonjolkan dituliskan dalam bentuk kes ilustrasi. Pembaca akan dapat menyelami realiti kisah setiap individu OKU dalam mencapai cita-cita mereka dengan mengasah potensi kecemerlangan yang ada dalam diri. Sesungguhnya, mereka adalah sebahagian daripada pengetahuan awam dek kehebatan, kelebihan dan keunikan yang dimiliki. Situasi sering kali “diabaikan” dijadikan fokus perbincangan apabila membicarakan hal ehwal mereka, meskipun masih banyak aspek lain dalam hidup yang perlu ditangani mereka dengan sebaiknya.

Dalam usaha menggapai satu per satu impian, cabaran hidup semestinya mempengaruhi kualiti hidup, kepuasan kerja dan prestasi mereka.

Ucapan penghargaan buat semua penulis yang telah menyumbangkan buah fikiran, tenaga dan penulisan untuk melengkapkan buku ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada 28 individu OKU yang tidak lokek untuk meluangkan masa dan berkongsi tentang pengalaman peribadi mereka dalam sesi temu bual. Ribuan terima kasih turut diucapkan kepada keluarga dan rakan individu OKU yang terlibat secara tidak langsung dalam proses penerbitan buku ini.

Harapan kami, mudah-mudahan buku ini akan menjadi rujukan buat semua, terutama mereka yang berada dalam situasi yang serupa.

Daripada editor,

Syarizal Abdul Rahim, UMK
Norailis Ab. Wahab, USIM
Noorhafiza Ahmad, ISM
Siti Mariam Sageh, ISM

BANGKIT WALAU SAKIT

OLEH: KHAIRUL AFFEIQ MOHD NOORIZAM & SYAMSURIANA SIDEK

SITI NOOR RADIAH ISMAIL dilahirkan di Segamat, Johor pada 3 November 1993. Beliau merupakan anak kelima daripada tujuh orang cahaya mata Ismail Shawal dan Rusimah Bazid. Radiah atau lebih manja dengan panggilan Yaya dalam kalangan ahli keluarganya merupakan satu-satunya anak yang dikurniakan keistimewaan atletik dan mempunyai semangat juang yang luar biasa walaupun menghadapi masalah pembelajaran. Bapanya merupakan seorang pesara komando tentera darat 21 Komando yang aktif dalam bidang sukan di Kem Gerak Khas Sungai Udang, Melaka, manakala ibunya seorang suri rumah. Semasa kecil, Radiah sering menemani bapanya ke beberapa kejohanan sukan yang dianjurkan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Sejak itulah beliau menjadikan bapanya sebagai sumber inspirasi kerana sering melihat kejayaan demi kejayaan yang dirangkul oleh bapanya.

Radiah mendapatkan pendidikan awal sekolah rendah di Kem Gerak Khas Sungai Udang sebelum berpindah ke Segamat. Pada awalnya, beliau memasuki aliran pemulihan di sekolah rendah hingga darjah tiga sebelum memasuki aliran pendidikan khas semasa darjah empat hingga tamat

persekolahannya. Semasa di sekolah rendah, beliau mula aktif dalam sukan para. Beliau dilatih oleh Cikgu Halis sehingga dapat mewakili Melaka pada ketika itu. Namun begitu, Radiah sekeluarga berpindah ke Segamat, Johor selepas bapanya bersara. Beliau kemudiannya berlatih di bawah jagaan Cikgu Huda dan Cikgu Nazari. Walaupun telah berpindah ke Johor, namun beliau berjaya membuktikan kewibawaannya dalam bidang sukan sehingga dapat mewakili negeri Johor pula pada 2006.

Radiah juga sangat aktif dalam acara balapan, seperti lari 100 meter, 200 meter, 400 meter, 800 meter, 4 × 100 meter dan 4 × 400 meter sejak berada di sekolah rendah hingga sekolah menengah. Sejak di alam persekolahan lagi Radiah sudah mula menyimpan cita-cita untuk menjadi seorang atlet Malaysia yang berjaya tidak kira dalam apa-apa sahaja jenis sukan sekalipun. Namun begitu, selepas mengetahui kekurangan dirinya dalam pelajaran, beliau mula fokus pada satu acara sahaja, iaitu acara lompat jauh kategori T20.

Perjuangan Radiah dalam bidang sukan tiada noktahnya walaupun terpaksa mengharungi pelbagai kesukaran sejak bangku sekolah menengah lagi. Semasa di



sekolah menengah, beliau pernah mengalami kecederaan kerana terjatuh. Akan tetapi, beliau tidak sekali-kali menjadikan kecederaan itu sebagai penghalang untuk terus bergiat aktif dalam bidang sukan. Beliau yang sudah biasa dengan aktiviti lasak sejak zaman kanak-kanak lagi juga pernah menghadapi kecederaan serius pada bahagian tulang pinggul semasa berlatih di sekolah menengah. Selepas berehat untuk suatu tempoh yang singkat, beliau tetap cekat untuk menyertai Sukan Para Asia Remaja 2009 di Tokyo, Jepun kerana itu merupakan pengalaman pertama beliau mewakili Malaysia. Walaupun ketika itu keadaan beliau masih belum pulih sepenuhnya, beliau tetap gigih melakukan lompatan yang akhirnya menyebabkan kesan kecederaan yang dialaminya semakin parah. Ternyata kecekalan dan ketabahannya boleh disamakan dengan pepatah Melayu, “di mana ada kemahuan di situ ada jalan”. Peristiwa tersebut membuktikan bahawa Radiah ialah seorang yang kuat berusaha dan akan melakukan apa-apa sahaja demi mencapai cita-cita dan matlamatnya.

Radiah mula menjadi atlet sepenuh masa di Majlis Sukan Negara (MSN) pada 2014. Pendekatan latihan yang diterapkan oleh jurulatihnya, Mohd Syahrul Amri Suhaimi, sama seperti atlet yang lain melainkan jika berlaku kecederaan, atlet tersebut akan diminta untuk menjalani latihan mengikut keupayaan fizikal masing-masing. Di MSN, hari Radiah sentiasa dipenuhi dengan latihan

Radiah semasa menjalani latihan lompat jauh.

yang sangat membolehkan. Dalam seminggu beliau akan menjalani latihan sebanyak enam kali seminggu, iaitu sesi latihan pada waktu pagi yang bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi, manakala latihan pada sesi petang pula bermula pada pukul 4.00 petang hingga 6.30 petang pada setiap hari Isnin hingga hari Jumaat. Bagaimanapun pada hari Sabtu, latihan hanya dijalankan pada sesi pagi, dan beliau dibenarkan berehat pada hari Ahad.

Bagi Radiah, penat lelah menjalani latihan tidak begitu terasa kerana semangat juang dan sikap tidak putus asa sentiasa tersemat dalam dirinya. Buktinya, beliau merekodkan catatan terbaik dengan lompatan sejauh 5.10 meter pada Kejohanan Sukan Para Asia Ke-2 di Incheon, Korea Selatan pada 2014. Namun begitu, panas yang disangkanya sampai ke petang, rupa-rupanya hujan pula yang turun pada tengah hari. Sejak menyertai kejohanan sukan di Incheon, Radiah telah mengalami kecederaan pada bahagian pinggang dan belakangnya menyebabkan beliau beberapa kali menjalani rawatan tulang belakang dan menerima prosedur rawatan memasukkan gel pada bahagian lututnya. Beliau juga terpaksa mengambil ubat tahan sakit sekiranya mengalami kesakitan berdasarkan preskripsi doktor.

Semasa temasya Sukan Paralimpik Musim Panas Rio 2016, Radiah melakar kejayaan dengan melakukan lompatan sejauh 5.20 meter, sekali gus meraih pingat gangsa bagi kontinjen negara. Lebih manis lagi, kejayaan itu turut memperbaharui rekod Asia yang menjadi miliknya

sebelum ini, iaitu 5.10 meter yang direkodkan pada Sukan Para Asia Ke-2 di Incheon. Kejayaan Radiah sesungguhnya tidak boleh disangkal lagi kerana beliau merupakan satu-satunya atlet paralimpik wanita yang berjaya mengharumkan nama Malaysia di persada dunia. Pingat gangsa yang diraihnya itu juga merupakan hasil penat lelah beliau selama ini yang amat mencintai bidang sukan sejak bangku sekolah lagi. Pencapaian luar biasa Radiah bersama-sama rakan seperjuangannya yang lain, seperti Ziyad Zolkefli, Ridzuan Puzi dan Latif Romly telah membuka mata rakyat Malaysia bahawa kebolehan atlet istimewa ini tidak boleh dipandang enteng.

Kemenangan dalam Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017 turut dirasai apabila beliau memenangi pingat emas pertamanya selepas melakukan lompatan sejauh 4.99 meter dalam acara akhir lompat jauh. Bagaimanapun, dalam kejohanan Sukan Para ASEAN Jakarta 2018 di Indonesia, beliau gagal mempertahankan kejuaraannya kerana hanya memenangi pingat perak. Akan tetapi, kekalahannya itu tidak mematahkan semangatnya untuk terus berusaha dan cemerlang dalam sukan lompat jauh.

Bagi Radiah, ibu bapa dan keluarganya merupakan tunjang semangat dalam dirinya agar tidak berputus asa, malah menjadi tulang belakang di sebalik kejayaannya. Begitu juga dengan segala nasihat dan dorongan jurulatih serta rakan-rakan banyak membantu dirinya mencapai kejayaan tersebut. Radiah sangat bersyukur kerana beliau bukan sahaja dapat menaikkan dan membanggakan nama Malaysia di mata dunia, malah kedua-dua ibu bapa

serta ahli keluarganya turut menumpang gembira atas kejayaannya itu.

Bagaimanapun selepas kejayaannya itu, beliau mengehadakan penyertaannya dalam kejohanan luar negara akibat kecederaan lutut yang dialaminya semasa lompatan terakhir di Rio. Namun begitu, Radiah melahirkan rasa bangga apabila melihat kemajuan sukan di tanah air pada waktu ini dengan pelibatan aktif daripada golongan belia dalam kejohanan negara, lebih-lebih lagi golongan OKU sepertinya. Sebelum bersara atau bertukar bidang, Radiah berharap dunia sukan Malaysia akan dapat melahirkan ramai pelapis baharu bagi mewujudkan persaingan yang sihat dalam bidang sukan.

Beliau turut menghargai dan berterima kasih kepada insan yang sering berada di belakangnya dalam perjuangannya untuk bergiat aktif dalam bidang sukan, iaitu ibu bapa dan ahli keluarga yang disayanginya. Biarpun berstatus OKU, namun kesungguhan Radiah untuk mencapai kejayaan dalam bidang sukan menunjukkan semangat luar biasa dan iltizam, sebagaimana peribahasa Melayu, "hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih" yang bermaksud jika hendak melakukan sesuatu, kita pasti akan menyempurnakannya dengan sedaya upaya.



Radiah memegang pingat perak yang dimenangnya dalam temasya Sukan Para Asia 2018 di Jakarta, Indonesia.



“Jangan mudah berputus asa, sentiasa fokus untuk mencapai apa yang dikehendaki tanpa mendengar kata-kata negatif orang sekeliling.”

- Siti Noor Radiah Ismail -

Radiah menggayakan pingat gangsa yang dimenangnya di temasya Sukan Paralimpik Musim Panas Rio 2016.